

**Obor dirampas, edaran akhbar PKR ditambah
Malaysiakini.com
July 27, 2010**

Walaupun Obor Keadilan didakwa mula dirampas oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN), PKR terus menerbitkan akhbar barunya setelah Suara Keadilan digantung bulan lalu.

Kali ini, Sinar Keadilan pula muncul dengan edaran lebih besar sebanyak 85,000 di seluruh negara - bertambah sebanyak 25,000 daripada edarannya biasa 60,000 naskhah.

Ketua pengarang akhbar parti itu Dzulkarnain Taib berkata, tindakannya meningkatkan edaran "akhbar tidak berkala" itu dibuat susulan daripada permintaan daripada ahli dan orang ramai.

"Daripada respons, ketiadaan Suara Keadilan amat dirasai oleh ahli dan orang ramai yang melanggan (akhbar itu)," katanya.

"Ahli-ahli mahukan maklumat, terutama di kawasan pedalaman yang tidak mempunyai akses internet," kata Dzulkarnain ketika dihubungi Malaysiakini petang ini.

Menurutnya Sinar Keadilan berada di pasaran sejak semalam.

Edisi terbaru ini diterbitkan oleh Angkatan Muda Keadilan (AMK) dengan tajuk muka hadapannya, 'Projek mencurigakan... RM12 ribu juta untuk JPM'.

Ia antaranya mempertikaikan tindakan kerajaan mengurangkan subsidi dengan menaikkan harga barangan asas, tetapi pada masa yang sama sebanyak "RM12 ribu juta" didakwa diperuntukkan untuk Jabatan Perdana Menteri (JPM).

PKR dipercayai terus menerbitkan akhbar dengan judul berbeza ekoran akta mesin cetak dan penerbitan membenarkan terbitan berkala untuk edisi tunggal dicetak tanpa permit.

Mengulas mengenai rampasan Obor Keadilan, Dzulkarnain mendakwa rampasan itu dilakukan oleh pegawai KDN daripada beberapa buah kedai di Ipoh, Johor Baharu dan Pulau Pinang.

Beliau juga mendakwa, sekurang-kurangnya 1,000 naskhah telah dirampas.

Jumlah sebenar tidak dapat dipastikan pada masa itu, tambahnya.

"Tujuannya adalah hendak adalah untuk menakut-nakutkan wakil pengedar kita," dakwa Dzulkarnain lagi.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/138417>